

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 6 MAC 2018

RUJUKAN : 10540

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa ROS gagal meluluskan pendaftaran Pakatan Harapan dan logo Pakatan Harapan, memandangkan syarat-syarat yang dikenakan oleh ROS ke atas parti DAP dan PPBM telah dipenuhi. Apakah syarat dan kriteria tambahan yang diperlukan oleh ROS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menerima permohonan pendaftaran Pakatan Harapan serta laporan-laporan berkaitan daripada parti komponennya iaitu *Democratic Action Party (DAP)* dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Dalam hal ini, tiada sebarang kriteria tambahan yang dikenakan terhadap permohonan tersebut.

JPPM sedang menjalankan siasatan terhadap pelbagai aduan yang diterima berhubung PPBM selain meneliti laporan yang telah dikemukakan bagi memastikan Perhimpunan Agung PPBM yang diadakan pada 30 Disember 2017 dilaksanakan selaras dengan perlembagaan parti tersebut.